

14 DEC 1998

Rencana-Polinesia

MUNGKINKAH BANGSA MELAYU DAN POLINESIA DARI SATU RUMPUN?

Oleh: CIK RASHIDAH ABD GHANI

KUALA LUMPUR: Mungkinkah orang Melayu di Asia Tenggara dan bangsa Polinesia yang banyak terdapat di kepulauan Pasifik berasal dari satu rumpun etnik? Inilah persoalan yang terus membelenggu banyak pengkaji ketika mereka berusaha untuk mencungkil beberapa persamaan atau perbezaan daripada segi bahasa, sosial dan budaya yang terdapat di antara kedua-dua bangsa itu.

Taburan kependudukan bangsa Polinesia meliputi Pulau Hawaii dan kawasan barat dayanya hingga ke New Zealand, Pulau Easter, Samoa dan beberapa kepulauan lain di sekitarnya, manakala bangsa Melayu pula meliputi hampir seluruh Nusantara.

Minat para penyelidik untuk mengkaji secara lebih mendalam terhadap aspek itu didorongi oleh kewujudan persamaan yang begitu ketara setakat ini, dalam bentuk beberapa perkataan yang dituturkan mereka, kebudayaan, kesenian dan adat resam, hatta penggunaan pengimbal pada perahu jalur yang menjadikan mereka pelaut terkenal pada zaman dahulu kala.

Malah, para penyelidik mempunyai satu teori bagi menunjukkan kesatuan rumpun kedua-dua bangsa itu, iaitu bahawa nenek moyang orang Polinesia tiba ke kawasan penempatan mereka sekarang setelah belayar meninggalkan Asia lebih 1,000 tahun yang lalu, atau lebih lama daripada itu.

Ada juga yang mengemukakan teori di sebaliknya iaitu ada kemungkinan nenek moyang orang Melayu di Nusantara berasal daripada kepulauan Pasifik.

Pun begitu, para penyelidik masih memiliki pengetahuan yang amat terhad berhubung kaedah pelayaran atau penghijrahan yang berlaku itu. Mereka masih perlu menyelidiki dengan mendalam sambil mengetahui lebih banyak warisan sejarah bersama itu.

Untuk tujuan itu, Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria, Wellington, yang diwujudkan sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke New Zealand pada 1996, telah setakat ini menganjurkan dua simposium berhubung Kebudayaan Melayo-Polinesia.

Simposium pertama diadakan di Wellington pada bulan Mei lepas dan yang terbaru di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, dua minggu lepas.

Penyandang Kerusi berkenaan, Prof. Hood Salleh memberitahu simposium itu bahawa kesan-kesan persamaan antara dua kumpulan manusia itu wujud dalam bentuk linguistik dan kebudayaan.

Pengalaman sosial kedua-dua bidang itulah yang cuba diberi penekanan dan pada jangka panjang pula disintesisasikan oleh simposium berkenaan.

Prof Hood yang menjalani penyelidikan terperinci ke atas perkara itu sejak tinggal di New Zealand dua tahun lepas berkata, terdapat persamaan yang ketara antara orang Melayu di Asia dan penduduk kepulauan Pasifik Selatan yang bertutur dalam bahasa Austronesia. Persamaan itu jika dipupuk akan memberi banyak manfaat kepada kedua-dua pihak.

Menurut Dr Nabir Abdullah dan Yahaya Abu Bakar daripada Jabatan Sejarah UKM, persamaan-persamaan yang terdapat itu begitu ketara sehingga seseorang itu tidak mungkin memahami sejarah Oceania (kepulauan Pasifik) itu, kecuali dalam konteks sejarah Asia Tenggara atau Asia keseluruhannya.

"Sebagai contoh, masyarakat Oceania ketika ketibaan bangsa Eropah masih lagi masyarakat neolitik. Teknologi mereka berasaskan batu, tulang dan kulit kerang. Mereka menanam ubi atau pokok buah-buahan yang semuanya mempunyai asal usul di Asia," jelas mereka.

Bercucuk tanam secara neolitik itu juga dijalankan seiringan dengan penternakan haiwan, khususnya khinzir, anjing dan ayam, yang juga mempunyai

asal usul di Asia.

Bangsa Polinesia, di sebalik mempunyai banyak persamaan daripada segi asas susuk badan kelompok Negroid, daripada segi fizikal dan bahasa mempunyai kaitan dengan penduduk Asia Tenggara.

Lautan berperanan sebagai laluan komersil selain ruang untuk menjalin hubungan dan dialog budaya antara penghuni rantau yang berlainan. Yang lebih menarik, penduduk Oceania mempunyai sejarah interaksi yang sekian lama dengan lautan di mana penangkapan ikan, perdagangan dan pelayaran dijalankan sejak zaman berzaman.

Menurut mereka, peralatan yang digunakan di Ocenia seperti mata pancing, tali kail dan jaring bersama alat menyelam untuk kegiatan mencari tiram dan mutiara hampir sama dengan yang digunakan di Asia Tenggara.

Begitu juga dengan seni dan teknik membina pelbagai jenis perahu atau bot yang dilengkapi dengan pengimbang dan layar di Pasifik, yang dalam banyak segi mempunyai persamaan dengan teknik yang digunakan di Indonesia.

Kisah-kisah pengembaraan, kemuliaan dan upacara yang dikaitkan dengan pelayaran di Ocenia juga nampaknya mempunyai persamaan dengan amalan pelaut di rantau sebelah sini.

Menurut mereka, seperti rakan-rakan pelaut di Asia Tenggara pada era sebelum ketibaan bangsa Eropah, bangsa Polinesia juga mengharungi lautan dengan segala kekurangan daripada segi bantuan peralatan pelayaran. Bagaimanapun, mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi berhubung keadaan angin, laut, langit dan bintang dan ternyata sangat berkebolehan dalam menuju ke sesuatu destinasi dengan tepat.

Justeru itu, banyak sekali terminologi berkaitan bintang, arus, angin, tanah dan arah terdapat di dalam bahasa Polinesia. Kepercayaan kononnya lautan dijaga dan dikawal oleh sekumpulan kuasa ghaib, juga mempunyai persamaan dengan kepercayaan pelaut di rantau sebelah sini. -- Lagi

Atas sebab itulah, menurut kepercayaan sesetengah orang Melayu, laut mesti dihormati dan beberapa acara pemujaan perlu diadakan bagi memastikan pelayaran atau kegiatan menangkap ikan mereka dilindungi.

Bagaimanapun, apa yang menghalang satu rumusan yang tepat ialah kurangnya bukti yang telah didokumentasikan daripada kedua-dua rantau itu, ujar Dr Nabir dan Yahaya menerusi kertas kerja mereka yang bertajuk "Pacific Studies and Malaysia Studies: In Search of Common Ground".

John Temara daripada Sekolah Pengajian Maori, Universiti Victoria menerusi kertas kerjanya "The Maori Hand" berkata, perkataan Melayu bagi "tangan", kelihatan secara fonologi dan fizikal jauh berbeza daripada perkataan Maori bagi maksud yang sama iaitu "ringa".

"Ringa mempunyai kaitan dengan bahasa Fiji lin(g)a, Melayu lenga(n) yang ada kaitan dengan tangan," ujar beliau.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, punca utama perbezaan itu ialah persekitaran baru sosial, budaya dan politik, yang terpaksa disesuaikan oleh mereka dalam tempoh masa berabad-abad.

"Ini hanya satu permulaan. Adalah diharapkan, ia akan membawa kepada satu penghuraian, dalam bentuk penyelidikan bersama Melayu-Maori oleh penyelidik daripada Malaysia dan New Zealand, atau pembentukan satu program penyelidikan bersama Malayo-Polinesia, berpangkalan di UKM atau Universiti Victori atau usaha-usaha lain yang serupa," ulas Prof Hood berhubung penyelidikan ke atas hubungan orang Melayu dan Polinesia.

-- Bernama

CR AM